

09 JUL 1996

Mahathir - ekonomi

PELAN TERSUSUN DAN POLISI PRAGMATIK RANGSANG EKONOMI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembangunan ekonomi Malaysia kini adalah hasil daripada pelan tersusun dan polisi pragmatik yang terbina daripada asas politik yang stabil dan kemudahan yang baik.

Perdana Menteri berkata bahawa sejak Merdeka, Malaysia berhati-hati dalam mencapai cita-citanya untuk membina satu masyarakat yang berorientasikan sains moden dan teknologi.

"Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang cemerlang tetapi pencapaian ini bukanlah sesuatu yang di luar jangkaan," katanya dalam buku kecil Taman Teknologi Malaysia di sini.

Industri-industri utama negara terutama dalam bidang mikro elektronik, elektronik konsumer, komputer dan telekomunikasi telah menunjukkan kejayaan yang menakjubkan.

"Malaysia menawarkan banyak potensi kepada pelabur. Ia merupakan di antara lokasi terbaik di rantau ini kerana ia terletak di tengah antara Asia dan Barat, menjadikan negara ini pintu kepada pembangunan ekonomi dunia yang terpantas," katanya.

Perdana Menteri berkata Wawasan 2020, satu pelan strategik untuk menjadikan negara ini sebuah negara membangun menjelang tahun 2020, digubal untuk meneruskan pembangunan masa kini.

"Ianya memerlukan pembangunan seimbang dalam semua bentuk, meliputi ekonomi, politik, rohani, psikologi dan bidang kebudayaan. Satu strategi menggerakkan wawasan ini adalah meningkatkan keupayaan dalam sains dan teknologi," katanya.

Dr Mahathir akan merasmikan Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil di sini September ini apabila fasa pertama berharga RM227 juta siap dibina.

Taman itu akan menyediakan kemudahan untuk mempromosikan inovasi, pembangunan dan komersialisasi bagi idea-idea baru dengan potensi perniagaan yang tertumpu kepada maklumat, bio-teknologi dan teknologi bahan mentah. --

BERNAMA

RAZ WE MAI